

07 FEB 1999

DOMPOK SAHKAN KONVENSYEN BN NEGERI BATAL

PENAMPANG, 7 Feb (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah Tan Sri Bernard Dompok hari ini mengesahkan yang Konvesyen BN negeri yang dijadualkan pada 18 Feb ini telah dibatalkan.

Dompok yang juga Ketua Menteri berkata pembatalan itu bagi memberikan lebih masa kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan ke seluruh Sabah.

Dr Mahathir sebelum ini dijadualkan merasmikan konvensyen berkenaan semasa lawatan beliau selama tiga hari ke Sabah mulai 18 Feb.

"Kita berpendapat konvensyen itu tidak bermanfaat kerana ia hanya membolehkan Perdana Menteri bertemu anggota-anggota BN sahaja," katanya kepada pemberita di majlis pemimpin bersama rakyat di Kampung Moyog, dekat sini.

Beliau berkata dengan pembatalan itu ia memberi peluang kepada Dr Mahathir bertemu penduduk-penduduk Sabah yang bukan anggota BN.

Perdana Menteri dijadualkan melawat Sandakan, Kota Kinabalu dan Keningau, katanya.

-- BERNAMA

NY PR